

25/07/1997

Ketua kerajaan, korporat bincang pengalaman

Khaidir Abdul Majid

LANGKAWI yang menyambut ulangtahunnya yang kesepuluh sebagai pulau bebas cukai akan sekali lagi menjadi tuan rumah kepada pertemuan ketua-ketua kerajaan, menteri dan tokoh korporat dunia.

Buat kali ketiga tahun berturut-turutnya Dialog Antarabangsa Langkawi (LID '97) akan diadakan di pulau pelancongan ini selama tiga hari bermula Isnin ini. Seperti tahun-tahun sebelumnya, Perkongsian Pintar akan dibincangkan di dialog yang akan mempertemukan kira-kira 250 peserta itu.

Jika pada dialog sulung (LID '95) konsep Perkongsian Pintar dikupas dan dibincang dengan panjang lebar dan pada LID '96, fungsi setiap pihak dalam perkongsian pintar dibincangkan, dialog tahun ini dijangka menyaksikan perbincangan mengenai pengalaman perkongsian pintar.

Perkongsian pintar adalah satu konsep yang mempromosikan rangkaian yang bukan sahaja meliputi sektor perniagaan dalam konteks nasional dan antarabangsa tetapi juga di antara kerajaan dan sektor perniagaan. Matlamatnya ialah untuk meneroka peluang bagi perniagaan, pertumbuhan dan kesejahteraan bersama.

Seperti tahun-tahun sebelum ini, Kumpulan Industri-Kerajaan mengenai Teknologi Tinggi (MIGHT) dan Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) adalah penganjur bersama LID '97. Dialog tahun ini adakan dibahagikan kepada empat sesi iaitu meliputi pengalaman perkongsian pintar di peringkat syarikat dan antara syarikat, rangka kerja bagi kerjasama yang menjangkau sempadan, teknologi bagi ekonomi yang sedang muncul dan teknologi dalam perkhidmatan kewangan.

Menurut setiausaha bersama Majlis Penasihat LID '97, Tan Sri Datuk Dr Omar Abdul Rahman, satu demonstrasi mengenai aplikasi teknologi dalam sektor perdagangan dan kewangan elektronik akan turut diadakan.

Beliau yang ditemui di Kuala Lumpur, baru-baru ini selepas menerima cek daripada penaja LID '97, berkata LID kini sudah benar-benar memiliki dimensi antarabangsa. "Kita sudah menerima komen positif mengenai LID serta mengenai dialog seumpamanya," kata beliau.

Sejak dialog pertama pada 1995, LID sudah menjadi model bagi penganjuran dua forum lain iaitu Dialog Antarabangsa Barbados (BID '96) dan Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID '97).

Sebenarnya pengalaman Malaysia dalam perkongsian pintarnya sendiri iaitu membabitkan kerajaan, sektor swasta dan pekerja sudah menjadi inspirasi bagi negara-negara membangun lain. Di SAID '97 yang diadakan di Botswana, baru-baru ini pengalaman Malaysia dibincangkan dengan meluas sebagai model bagi negara membangun yang lain.

Berikutan minat beberapa negara membangun ini untuk mempelajari daripada pengalaman Malaysia, tidaklah menghairankan sambutan untuk menyertai LID '97 daripada negara membangun sangat memuaskan.

Pada LID '97 ini, empat presiden dari negara Afrika sudah mengesahkan penyertaan iaitu Sir Ketumile Masire (Botswana), Dr Sam Nujoma (Namibia), Yoweri Kaguta Museveni (Uganda) dan Dr Robert Mugabe (Zimbabwe). Selain itu, tiga naib presiden Prof John Evans Atta Mills (Ghana), Justin Malewezi (Malawi) dan James Michel (Seychelles) turut mengesahkan penyertaan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah antara lima perdana menteri yang sudah mengesahkan penyertaan. Selain beliau, Dr Abdel Al Majali (Jordan), Pascal Rakotomavo (Madagascar), Dr Navinchandra Ramgoolam (Mauritius) dan Sibusiso Barnabas Dlamini (Swaziland) juga akan menghadiri dialog kali ini.

Dua timbalan perdana menteri sudah mengesahkan penyertaan mereka iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim dan rakan sejawatnya dari Lesotho, Pakalitha Mosisili.

Negara-negara lain yang sudah mengesahkan akan menghantar perwakilan adalah Filipina, Afrika Selatan, Tanzania, Mozambique, Tonga, Grenada dan Gambia. Selain daripada peserta kerajaan ini, dialog itu turut akan dihadiri oleh tokoh korporat tempatan dan antarabangsa.